



JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA,
JALAN DATO' ONN
KUALA LUMPUR.

Telefon: 203722

Kawat : PERDANA

Ruj. Kami: PM. SULIT 13441

Tarikh : 17hb. Ogos, 1981.

SURAT PEKELILING AM BIL. 7/1981

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua-Ketua Badan Berkanun

Penkuatkuasaan Akta Timbang dan Sukat 1972.

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Akta Timbang dan Sukat 1972 telah dikuatkuasakan mulai 1hb. Januari, 1981. Pengwartaan penguatkuasaan Akta itu telahpun dilaksanakan oleh Y.B. Menteri Perdagangan dan Perindustrian mengikut peruntukan di bawah Seksyen 1(3) Akta itu.

2. Walaupun Akta tersebut telah dikuatkuasakan mulai 1hb. Januari, 1981, tarikh penukaran ke Sistem Metrik sepenuhnya ialah 1hb. Januari, 1982. Pengwartaan mengenai tarikh tersebut dibuat oleh Menteri di bawah kuasa yang diberi oleh Seksyen 32(1) Akta Timbang dan Sukat 1972. Mulai dari tarikh 1hb. Januari, 1982, penggunaan unit-unit sistem imperial dan tempatan adalah tidak dibenarkan dan dilarang kerana melanggar Akta Timbang dan Sukat 1972. Hanya penggunaan unit-unit Metrik sahaja dibenarkan.

3. Memandangkan tarikh pelaksanaan sepenuhnya Sistem Metrik adalah tidak lama lagi, kerjasama Kementerian-Kementerian, Jabatan-Jabatan Kerajaan dan Badan-Badan Berkanun adalah dipohon untuk mengambil tindakan segera memastikan penukaran ke Sistem Metrik di semua bidang.

4. Untuk memastikan perkara-perkara yang terlibat dengan penukaran ke Sistem Metrik itu, Lampiran "A" yang disertakan bersama-sama ini bolehlah digunakan sebagai panduan. Adalah diharapkan menjelang 1hb. Januari, 1982 nanti, Sistem Metrik dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya di Kementerian-Kementerian, Jabatan-Jabatan Kerajaan dan Badan-Badan Berkanun.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(TAN SRI HASHIM BIN AMAN)
Ketua Setiausaha Negara.

Penukaran Ke Sistem Metrik di Jabatan-Jabatan Kerajaan
Akan Melibatkan Perkara-perkara Dasar Seperti Berikut:

1. Pindaan undang-undang, ordinan, enakmen dan akta-akta yang berkaitan dengan unit-unit timbangan dan sukatan.
2. Pindaan arahan-arahan pentadbiran, arahan-arahan perkhidmatan yang berkaitan dengan unit timbangan dan sukatan.
3. Memberhentikan pembelian dan pengimportan alat-alat dan barang-barang keperluan yang bukan metrik.
4. Penggantian atau tentukuran (calibration) bagi semua alat-alat timbangan dan sukatan yang di bawah kawalan atau kegunaan Jabatan-Jabatan tersebut.
5. Penukaran kadar tarif, bayaran cukai atau lain-lain bayaran yang dikutip berdasarkan unit timbangan dan sukatan metrik.
6. Penukaran di dalam perkara-perkara subsidi, elaun, bantuan-bantuan kewangan yang berdasarkan kepada unit sukatan tertentu (contoh : subsidi untuk tanaman semula, elaun-elaun untuk tentera atau bantuan-bantuan lain yang berdasarkan kepada seekar).
7. Penjualan semua barang-barang keluaran dan perkhidmatan hendaklah ditukarkan ke unit metrik.
8. Menentukan semua pesanan (inden) yang dikeluarkan, bekalan-bekalan Kerajaan tender dan kontrek di dalam unit metrik dan berdasarkan kepada "hard conversion".
9. Menyimpan semua rekod, barang-barang, stok dan lain-lain bekalan di dalam sistem metrik sahaja.
10. Membiasakan kakitangan dengan sistem metrik dan di setengah-setengah keadaan diberikan latihan, jika perlu.
11. Pablisiti dan penerangan perlu diberi di mana penukaran melibatkan orang awam dan sektur tertentu (contoh: buku-buku khas, poster-poster dan penerangan-penerangan yang lengkap perlu disediakan).
12. Penerbitan-penerbitan, kenyataan-kenyataan akhbar dan lain-lain laporan hendaklah menggunakan unit metrik sahaja dan penggunaan kedua-dua unit metrik dan imperial tidak dibenarkan.

s.k.

Ketua Setiausaha,
Kementerian Perdagangan dan Perindustrian,
(Bahagian Metrik),
Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan,
Jalan Duta,
Kuala Lumpur.

Semua Ketua-Ketua Jabatan/Bahagian di bawah Jabatan Perdana Menteri.